



MUHAMMAD RASHID RIDA DAN PEMIKIRANNYA TERHADAP PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Norahida Mohamed¹ & Husmazahiera Hussin¹

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Peringkat pendidikan awal kanak-kanak merupakan fasa yang sangat penting dalam pembentukan peribadi dan intelektual manusia. Kepentingan pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak mendapat perhatian ramai cendekiawan Muslim seperti al-Ghazali, Ibn Khaldun, Ibn Qayyim Al-Jauziyah dan lain-lain. Antara sarjana Islam yang turut memberikan perhatian terhadap pendidikan awal kanak-kanak ialah Muhammad Rashid Rida. Walau bagaimanapun, belum ada kajian yang membincangkan pemikiran beliau dalam pendidikan kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan konsep pendidikan awal kanak-kanak yang dikemukakan oleh Muhammad Rashid Rida dalam majalah al-Manar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen terhadap majalah al-Manar yang membahaskan tentang pendidikan awal kanak-kanak. Dapatkan kajian menunjukkan Muhammad Rashid Rida telah membahaskan konsep pendidikan daripada dua dimensi iaitu ta'lim dan tarbiyyah. Perkara lain yang disentuh dalam majalah al-Manar dalam aspek pendidikan awal kanak-kanak adalah mengenai persediaan ibu sebelum melahirkan anak serta perkara-perkara yang perlu dititik beratkan dalam mendidik anak sejak awal usia. Selain itu, Muhammad Rashid Rida turut membahaskan konsep targhib dan tarhib dan kesesuaian pelaksanaannya dalam mendidik kanak-kanak. Kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap penerokaan yang lebih meluas pandangan sarjana Islam dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Kata kunci: Muhammad Rashid Rida; pendidikan kanak-kanak; majalah al-Manar; kaedah pengajaran

Abstract

Early childhood education is a crucial stage in shaping a child's personality and intellect. Prominent Muslim scholars such as al-Ghazali, Ibn Sina, and Ibn Qayyim al-Jawziyah have emphasized its importance. Among the reformist scholars who also addressed this topic is Muhammad Rashid Rida. However, his views on early childhood education remain underexplored. This qualitative study analyzes articles from al-Manar, Rida's seminal journal, to uncover his conceptual framework on early education. The findings show that Rida emphasized both ta'lim (instruction) and tarbiyyah (nurturing), while also stressing maternal preparation before childbirth. In addition, Muhammad Rashid Rida also discussed the concept of targhib (encouragement) and tarhib (warning) and their appropriate application in the education of children." This study can contribute valuable insights into early education from the perspective of Islamic reformist thought.

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 7 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author: Norahida Mohamed Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Email: norahida@unipsas.edu.my

Keywords: Muhammad Rashid Rida; children's education; *al-Manar* magazine; teaching strategies

PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian dan pembangunan seseorang. Dalam Islam, pendidikan merupakan satu paradigma yang bersifat holistik, sepadu dan seimbang (Asmawati Suhid & Noreha Che Abah, 2021). Hal ini bermaksud pendidikan dalam Islam merupakan pendidikan yang berdasarkan falsafah kesepaduan antara iman dan ilmu, jasad dan roh, dunia dan din, fikiran dan hati, akal dan wahyu. Menerusi falsafah ini, manusia dididik agar tunduk dan patuh kepada tuntutan akidah, syariah dan akhlak (Abdul Hakim bin Abdullah, 2020).

Antara peringkat terpenting dalam pendidikan ialah peringkat awal kanak-kanak. Menurut perspektif Islam, pendidikan awal bermula dari masa anak masih berada dalam kandungan ibu sehingga kanak-kanak berumur enam tahun. Secara umum pendidikan awal boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat sebelum lahir dan peringkat sesudah lahir. Peringkat sesudah lahir juga dibahagikan kepada dua tahap, iaitu dari mula dilahirkan hingga tiga tahun dan tahap seterusnya dari umur tiga tahun hingga meningkat ke enam tahun. (Norfaezah Mohd Hamidin et.al 2017).

Kepentingan pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak mendapat perhatian ramai cendekiawan Muslim seperti al-Ghazali, Ibn Sina, Ibnu Qayyim Al-Jauziyah dan lain-lain. Salah seorang tokoh penting yang turut mengambil berat isu pendidikan awal kanak-kanak ialah Muhammad Rashid Rida. Beliau merupakan tokoh tajdid dari Mesir yang telah mengemukakan pemikirannya dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial dan agama. Keprihatinan beliau dalam isu pendidikan dilihat melalui penulisan bab mengenai pendidikan dalam majalah *al-Manar* yang merupakan karya utama beliau dalam melaksanakan islah dan tajdid. Justeru artikel ini akan membahaskan mengenai pendidikan awal kanak-kanak menurut pemikiran Muhammad Rashid Rida.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data-data dikumpul melalui dokumen. Dapatkan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk meneliti aspek pendidikan awal kanak-kanak yang diperincikan oleh Muhammad Rashid Rida dalam majalah *al-Manar*.

LATAR BELAKANG MUHAMMAD RASHID RIDA

Nama penuh beliau ialah Muhammad Rashid bin Ali Rida bin Muhammad Shams al-Din bin Baha al-Din bin Manla‘Ali Khalifah al-Qalamun al-Baghdadi al-Husayni. Beliau dilahirkan pada 27 Jamadilawal tahun 1282H bersamaan 23 September 1865 di daerah Qalamun iaitu sebuah perkampungan kecil yang terletak di Pinggir Laut Tengah berhampiran Bukit Lubnan lebih kurang tiga kilometer dari Tripoli, Syria. Gelaran al-Sayyid yang diletakkan di permulaan nama beliau adalah menunjukkan nasab keturunannya yang bersambung dengan keluarga Rasulullah SAW daripada sebelah Sayidina ‘Ali (al-Salman, 1988).

Bapanya Sayyid ‘Ali Rida al-Husayni, bermazhab Shafie, bertugas sebagai imam di Masjid Qalamun sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1323H bersamaan 1905M. Ibunya Fatimah pula merupakan seorang wanita yang terkenal kuat beribadah dan mempunyai akhlak yang mulia. Ibunya mengikut Muhammad Rashid Rida berpindah ke Mesir dan menetap di sana hampir 14 tahun (Mustaffa Abdullah, 2009).

Muhammad Rashid Rida meninggal dunia pada hari Khamis, 23 Jamadilawal 1354H bersamaan 22 Ogos 1935. Pada hari tersebut, beliau telah pergi ke Suez untuk bertemu dengan Raja Saud bin ‘Abd al- ‘Aziz. Beliau pulang semula ke Kaherah pada hari yang sama dalam keadaan yang agak keletihan. Ketika itu beliau ditemani oleh Ibrahim Adham iaitu anak saudaranya dan al-Amir Zaki. Dalam perjalanan pulang, beliau sentiasa membaca al-Quran dan kadang-kadang muntah akibat keadaan jalan yang tidak elok. Beliau meminta agar memberikan tempat untuk berehat di bahagian belakang kereta. Tidak lama selepas itu, beliau telah meninggal dunia pada jam 1.30 atau 2.00 petang. Al-Sharabasi menyebut bahawa penulisan yang mengatakan bahawa Muhammad Rashid Rida meninggal dunia kerana terlibat dalam kemalangan kereta adalah tidak benar (al-Sharabasi, 1977). Jenazah beliau telah dikebumikan di Kaherah bersebelahan dengan makam gurunya, Muhammad ‘Abduh (Syeikh Muhammad Sa‘id Mursi, 2005).

PENDIDIKAN

Pendidikan awal beliau bermula di rumah dengan mendapat didikan langsung daripada bapanya. Pendidikan formal beliau pula bermula di kuttab yang terletak di Qalamun dengan mempelajari al-Quran, khat serta nahu dan asas-asas matematik serta menghafal beberapa juzuk al-Quran (Shakib Arsalan, 1937; al-Sharabasi, 1977).

Muhammad Rashid Rida kemudian memasuki *Madrasah al-Ibtida’iyyah al-Rashidiyyah* di Tripoli. Seterusnya, pada tahun 1299H/1882M, beliau memasuki Sekolah Kebangsaan Islam (*al-Madrasah al-Wataniyyah al-Islamiyyah*) di Tripoli. Madrasah ini dipimpin oleh ulama besar Syria ketika itu iaitu Shaykh Husayn al-Jisr. Di sini beliau mempelajari ilmu mantik, bahasa Arab, sains, matematik dan ilmu falsafah. Selepas mengikuti pengajian di *Madrasah al-Wataniyyah al-Islamiyyah*, Muhammad Rashid Rida menyatakan keinginan kepada ibu bapanya untuk belajar di Beirut. Tetapi, hasratnya tidak mendapat restu daripada orang tuanya kerana khuatir terhadap pengaruh negatif kehidupan di kota seperti Beirut. Akhirnya, beliau meneruskan pengajiannya di Madrasah *al-Rahbiyyah* dan di rumah gurunya, al-Jisr di Tripoli. Setelah lapan tahun menuntut ilmu,

akhirnya pada tahun 1315H, beliau dianugerahkan oleh gurunya ijazah perguruan atau disebut ijazah ‘Alamiyyah (Mustaffa Abdullah, 2009; al-Sharabasi, 1977).

Kemudian, beliau telah meneruskan pengajiannya dengan mempelajari ilmu-ilmu tertentu daripada beberapa ulama terkemuka di Tripoli sesuai dengan kepakaran ulama tersebut. Antaranya, beliau mempelajari ilmu bahasa Arab dan sastera serta tasawuf daripada Shaykh ‘Abd al-Ghani al-Rafi’i dan Shaykh Muámmad al-Qawaqji. Sementara ilmu hadith dan fiqh Imam Shafi’i dipelajari daripada Shaykh MaímËd NashËbah. Muámmad RashËd RiË turut berguru dengan Shaykh Muámmad al-Ëusayni dan Shaykh KËmil al-Rafi’i dalam mendalami ilmu usul fiqh dan mantik (al-Salman, 1988).

PENERBITAN MAJALAH AL-MANAR

Al-Manar merupakan majalah islah yang muncul di Mesir pada awal abad ke-20. Penglibatan Muámmad Rashid RiË dalam dunia kewartawanan bermula ketika beliau masih berada di Tripoli. Gurunya, Shaykh Ëusayn al-Jisr yang juga penulis dalam beberapa majalah adalah orang yang terawal memperkenalkan kepada beliau dengan para wartawan di bandar tersebut. Sebelum berhijrah ke Mesir, beliau juga pernah ditawarkan menjadi editor bagi majalah *Thamarat al-Funun* yang dimiliki oleh ‘Abd al-Qadir al-Qabbani (Umar Rayd, 2009).

Selepas empat bulan berada di Mesir, Muhammad RashËd Rida berjaya menerbitkan edisi pertama majalah *al-Manar* pada 22 Syawal 1310 bersamaan 17 Mac 1898. Pemilihan nama *al-Manar* yang dipersetujui oleh Muhammad Abduh diambil dari perkataan *al-Manar* hadis yang berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، ثنا رَوْحُ بْنُ عُبَادَةَ، ثنا ثَوْرُ بْنُ يَرِيدَ، عَنْ خَالِدِ بْنِ مَعْدَانَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: إِنَّ لِلْإِسْلَامِ صَوْيًا وَمِنَارًا كَمِنَارِ الطَّرِيقِ، مَنْ ذَلِكَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تَشْرُكَ بِهِ شَيْئًا، وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتَؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَوَقِّيَ الرِّزْكَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَالْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ، وَالنَّهِيُّ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَتَسْلِيمُكَ عَلَى بْنِي آدَمَ إِذَا لَقَيْتَهُمْ، وَتَسْلِيمُكَ عَلَى أَهْلِ بَيْتِكَ إِذَا دَخَلْتَ عَلَيْهِمْ؛ فَمَنْ اتَّقَصَّ مِنْهُنَّ شَيْئًا فَهُوَ سَهْمٌ مِنَ الْإِسْلَامِ تَرَكَهُ، وَمَنْ يَتَرَكْهُنَّ فَقَدْ نَبَذَ الْإِسْلَامَ وَرَاءَ ظَهِيرَةِ .

Terjemahan: Sungguh, Islam memiliki tanda dan menara, seperti menara jalan yang diantaranya adalah: Engkau menyembah Allah, dan tidak menyekutukan-Nya sedikitpun; engkau menunaikan solat, engkau menunaikan zakat, engkau puasa di bulan Ramadan, engkau beramar ma’ruf nahi munkar; salammu kepada bani Adam bila engkau bertemu mereka, serta salammu pada penghuni rumahmu ketika engkau masuk ke dalam rumah. Siapa yang mengurangi ini sedikit saja, maka dia telah mengurangi sahamnya dalam Islam. Siapa yang meninggalkan ini semua, maka dia telah melempar Islam di belakangnya (Abu Mu’az Tariq ibn ‘Audhilla ibn Muhammad, 2006).

Perkataan *al-Manar* menunjukkan peranan Islam dalam kehidupan Muslim yang diibaratkan seperti “rumah api” yang memberi panduan kepada pengembara di lautan (Umar Rayd, 2009). Penulisan artikel untuk menerbitkan edisi pertama *al-Manar* pada ketika itu

dilakukan di masjid Isma‘il yang terletak bersebelahan dengan rumah Mu‘ammad ‘Abduh (al-Salman, 1988).

Penulisan Mu‘ammad Rashīd Rīḍī dalam majalah *al-Manar* berterusan sehingga jilid 34 dan sempat menulis dua juzuk dalam jilid ke-35. Walau bagaimanapun, juzuk kedua dalam jilid 35 disiarkan dalam majalah *al-Manar* pada 29 Rabiulakhir 1354 selepas kematiannya. Artikel yang ditulis oleh beliau dalam juzuk tersebut membentuk jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh pembaca *al-Manār*. Manakala artikel lain dalam juzuk tersebut telah disumbangkan oleh Mu‘ammad Muslīfa al-Maraghi Alīmed Mu‘ammad Shihab, ‘Abd al-Samī’ al-Batl, ‘Abd Allah Amin, ‘Alubah Baya dan Ma‘y al-Din Rida. Penulisan daripada tokoh-tokoh tersebut berterusan sehingga juzuk keempat (Muhammad Rashid Rida, 1354H).

Selepas itu, penerbitan *al-Manar* terhenti selama dua tahun iaitu pada tahun 1354H. Ikhwan Muslimin di bawah pimpinan Ḫasan al-Bannā sebagai sebuah gerakan Islam yang mewarisi pemikiran *al-Manar*, berusaha meneruskan penerbitannya. Ḫasan al-Banna telah berjaya menerbitkan juzuk kelima *al-Manār* pada Jamadilakhir 1358 bersamaan 18 Julai 1939. Ketika ini, Majalah *al-Manar* terlewat daripada tarikh penerbitannya disebabkan oleh kenaikan harga kertas yang melambung tinggi sehingga lebih dua kali ganda. Hal ini menyebabkan bilangan halaman majalah *al-Manar* terpaksa dikurangkan daripada 80 kepada 48 halaman. Penerbitan kesepuluh majalah ini yang diterbitkan pada bulan Syaaban 1359H bersamaan September 1940M merupakan penerbitan terakhir majalah *al-Manar* setelah mengalami kelewatan selama sebulan. (al-Salman, 1988).

Selama hampir 40 tahun penerbitannya, majalah *al-Manar* ternyata telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada umat Islam ketika itu dan juga umat Islam pada masa kini. Majalah *al-Manar* boleh dikatakan sebagai sumber sejarah dalam memberi gambaran mengenai sejarah pahit manis umat Islam di dunia Arab dan Islam.

KONSEP PENDIDIKAN DAN ILMU

Dalam majalah *al-Manar*, terdapat bab khusus yang membincangkan perkara berkaitan pendidikan yang bertajuk “*Bab Tarbiyyah wa Ta’lim*”. Muhammad Rashid Rida mendefinisikan tarbiyah (pendidikan) bermaksud membantu generasi yang pada dasarnya mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang secara fitrahnya sedia untuk dididik bagi mencapai kesempurnaan. Hal ini adalah dengan cara menghilangkan sebab yang boleh menghalang perkembangan dan yang boleh memesongkannya daripada mencapai keseimbangan yang dikehendaki. Oleh kerana itu, generasi ini hendaklah dibekalkan dengan ‘makanan fizikal’ (untuk memberikan kekuatan fizikal dan jasmani) serta ‘makanan’ dalam bentuk maknawi (untuk memberikan kekuatan akal) (Muhammad Rashid Rida, 1899). Di sini menunjukkan bahawa Mu‘ammad Rashīd Rīḍī menekankan keperluan manusia terhadap pendidikan yang bersepada sama ada dari sudut jasmani, rohani dan intelektual bagi mencapai kesempurnaan sebagai insan *kamil*.

Bagi konsep *ta’līm* pula, Muhammad Rashid Rida membahagikan konsep ini kepada dua kategori. Pertama; *ta’līm* atau pengajaran bermaksud menyampaikan sesuatu kepada generasi secara beransur-ansur sama ada melalui perkataan atau perbuatan yang membolehkannya memahami dan

mempraktikkannya secara lisan dan amali. Konsep ini termasuk dalam pengertian *tarbiyah* yang mengandungi pengajaran akidah, akhlak dan ilmu-ilmu kemahiran yang lain (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Konsep *ta'lim* yang kedua ialah berkaitan dengan ilmu metodologi pengajaran. Ilmu ini membolehkan seseorang itu mengetahui teknik yang berkesan dalam menyampaikan ilmu yang banyak dalam masa yang singkat. Antara perkara yang membimbangkan Muhammad Rashid Rida pada ketika itu ialah masih ramai umat Islam yang tidak mengetahui ilmu metodologi pengajaran. Bahkan pemilihan guru juga tidak telus apabila pelantikan dibuat atas dasar kroni sama ada melalui kuasa politik atau atas dasar kekeluargaan (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Muhammad Rashid Rida menekankan kepentingan agama, ilmu dan kemahiran dalam pendidikan dan pengajaran. Dalam majalah *al-Manār*, beliau menjelaskan asas yang paling penting dalam pendidikan iaitu agama. Pendidikan dan pengajaran juga hendaklah memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu praktikal (*al-'amal*) dan ilmu pengetahuan (*al-'Ilm*). Pendidikan perlu berfungsi sebagai ejen yang dapat melakukan perubahan terhadap tingkah laku. Justeru, menurutnya, perkembangan manusia bukan hanya ditentukan oleh pertambahan pengetahuan dan informasi, tetapi pembangunan akhlak juga penting dalam pendidikan peribadi Muslim. Ilmu pengetahuan dan kemahiran penting untuk mengejar kemajuan. Walau bagaimanapun, ilmu agama perlu mendasari penguasaan ilmu-ilmu lain. Hal ini akan memastikan sistem pendidikan tidak hanya menjadikan seseorang itu bermaklumat tetapi juga mempunyai pengetahuan dan mempraktikkan cara hidup Islam (Sa'īd Isma'il 'Ali, 2010).

Selain itu, Muhammad Rashid Rida juga mengkritik pemikiran Barat yang menyempitkan pengertian ilmu. Dalam pengertian Barat moden terutama dalam kalangan yang berpegang teguh kepada kaedah sains, ilmu dirujuk sebagai pengenalan atau persepsi jelas tentang fakta, manakala fakta pula merujuk kepada perkara-perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir, iaitu yang bersifat empiris. Kewujudan perkara lain di luar keupayaan pancaindera zahir tersebut dianggap bukan fakta dan dianggap tidak termasuk dalam bidang ilmu. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa Barat melihat ajaran agama secara mutlak keluar daripada takrif dan ruang lingkup ilmu dan dianggap sebagai kepercayaan atau pendapat semata-mata. Kenyataan ini jelas bertentangan dengan konsep ilmu menurut pandangan Islam (Mustaffa Abdullah, 2004).

Muhammad Rashid Rida menekankan pentingnya integrasi antara kedua-dua unsur tersebut bagi mewujudkan keseimbangan hidup di dunia dan akhirat. Pemisahan agama daripada ilmu hanya akan membawa kepincangan hidup umat manusia. Malah, beliau menekankan agar ilmu agama itu dijadikan teras dan dasar kehidupan seorang Muslim sebelum diajarkan ilmu-ilmu yang lain (Mustaffa Abdullah, 2004).

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Manusia merupakan ciptaan Allah yang melalui beberapa peringkat perkembangan sejak dalam kandungan sama ada dari sudut jasmani, emosi, intelektual ataupun rohani. Selain memberikan perhatian terhadap proses pendidikan anak yang bermula sejak dalam kandungan, Islam juga menitikberatkan pendidikan kepada setiap ibu bapa itu sendiri terlebih dahulu. Dalam hal ini,

Muhammad Rashid Rida melihat pengetahuan ibu tentang kehamilan sangat penting dalam menjaga kesihatan janin dalam kandungan (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Justeru, beliau menyatakan bahawa seseorang ibu hamil hendaklah melakukan aktiviti fizikal seperti senaman ringan, menjaga pemakanan serta mengawal emosi daripada perasaan takut, gementar dan sedih. Hal ini kerana kesihatan ibu sama ada dari sudut fizikal dan mental boleh mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan janin. Beliau juga berpendapat, semua ibu yang hamil walau apa pun latar belakang pendidikan dan keluarga perlu diberikan pendidikan dan maklumat yang jelas tentang persediaan kehamilan dan kelahiran anak (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Selepas kelahiran bayi pula, majalah *al-Manar* turut menjelaskan tentang cara penjagaan bayi yang baru lahir, jenis-jenis penyakit yang sering menimpa bayi, penyusuan dengan susu ibu serta langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang ibu yang tidak dapat menyusukan anaknya (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Dalam aspek pendidikan yang perlu diberikan kepada kanak-kanak, Muhammad Rashid Rida menjelaskan bahawa ramai yang menyangka pendidikan anak-anak perlu dimulakan apabila mencapai umur tujuh tahun seperti mendirikan solat dan berpuasa. Pada pendapat beliau, memulakan pendidikan pada usia tujuh tahun adalah kurang bertepatan dengan cara pendidikan yang betul. Sewajarnya pendidikan anak bermula semenjak anak berada dalam kandungan atau sejurus selepas kelahiran. Pendidikan juga bukan semata-mata pendidikan fizikal bahkan ia perlu merangkumi pendidikan jiwa (rohani) dan intelektual (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Sel-sel otak berkembang mengikut perkembangan tubuh badan kanak-kanak. Oleh itu, penjagaan kesihatan tubuh badan akan mempengaruhi perkembangan intelektual kanak-kanak. Begitu juga dengan tingkah laku orang sekeliling atau ibu bapa memberi kesan terhadap perkembangan emosi dan akhlak kanak-kanak. Beliau juga menjelaskan bahawa kanak-kanak perlu dibiasakan dengan tabiat atau tingkah laku yang baik semenjak kecil. Jika ibu bapa gagal menunjukkan tabiat yang baik dan mendidik anak-anak dengan akhlak yang mulia, dikhuatiri sikap tersebut sukar ditinggalkan apabila kanak-kanak tersebut telah dewasa (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Peringkat kanak-kanak juga merupakan peringkat yang paling penting dalam menentukan perkembangan kanak-kanak tersebut apabila mencapai peringkat remaja, dewasa dan tua. Muhammad Rashid Rida menyebut:

“ketahuilah ibu bapa sekalian, sesungguhnya kebahagiaan anak-anak bahkan kebahagiaan negara mereka bergantung kepada didikan pertama yang diperoleh anak-anak ini”. (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Muhammad Rashid Rida juga menekankan pendidikan anak-anak seharusnya bermula di rumah. Beliau berpendapat, penggunaan kekerasan sebagai cara mendidik akan membawa keburukan terhadap sahsiah kanak-kanak sekaligus memberi kesan apabila dewasa. Beliau juga menasihati ibu bapa agar tidak bergaul dengan kanak-kanak secara lasak dan kasar. Perbuatan tersebut boleh merangsang tingkah laku negatif dalam diri kanak-kanak. Contoh tingkah laku negatif ialah melakukan kekejaman dan ketidakadilan apabila mempunyai kuasa dan melakukan tipu helah apabila dalam keadaan lemah (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Ilmu yang wajib diajarkan kepada kanak-kanak ialah ilmu ketuhanan iaitu ilmu untuk mengetahui tentang penciptaan semua makhluk sama ada sebelum atau selepas kewujudannya. Ilmu ketuhanan yang terkandung dalam al-Quran penting diajar kepada anak-anak supaya kebenaran agama dan rahsia-rahsia yang terkandung dalam ajaran Islam dapat dihayati dengan baik dan berkesan (Muhammad Rashid Rida, 1900).

Berdasarkan huraiān di atas, pendidikan awal kanak-kanak merupakan peringkat pendidikan yang sangat penting dalam perkembangan individu. Bentuk pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak pada peringkat ini akan menentukan karakter seseorang apabila dewasa. Oleh kerana itu, pendidikan berkaitan kanak-kanak dijelaskan oleh Muhammad Rashid Rida dengan mendalam bermula pendidikan terhadap ibu hamil, pendidikan bayi dalam kandungan sehingga selepas kelahiran bayi.

TARGHIB DAN TARHIB SEBAGAI KAEDAHL PENGAJARAN

Dalam majalah al-Manar, aspek pendidikan yang dibincangkan adalah berkaitan pendidikan psikologi (*al-Tarbiyah al-Nafsiyyah*). Kaedah ini menjelaskan pendidikan dan pengajaran secara tidak langsung melalui pendekatan memberi ganjaran (*targhib*) dan hukuman (*Tarhib*). Memberikan ganjaran (*Targhib*) dan menakut-nakutkan (*Tarhib*) merupakan kaedah pengajaran untuk menggalakkan anak-anak berakhhlak mulia dan menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang keji. *Targhib* adalah menanamkan harapan dalam diri seseorang agar memperoleh pahala dan balasan yang baik atas perbuatan soleh manakala *tarhib* akan merangsang rasa takut terhadap hukuman akibat perbuatan buruk yang dilakukan (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Menurut Muhammad Rashid Rida lagi, pemberian ganjaran dan hukuman hendaklah dilaksanakan bersesuaian dengan masa dan bentuk perlakuan seseorang. Ibu bapa perlulah bersikap lemah lembut dalam mendidik anak. Walaupun begitu, lembut yang dimaksudkan bukanlah dengan memberikan kemewahan dan menuruti semua kemahuhan anak. Ini bukanlah cara didikan yang baik. Manakala berlebih-lebihan dalam mengenakan hukuman akan menyebabkan anak akan membesar melalui kekerasan. Pukulan yang diberikan ketika anak melakukan kesilapan kecil mungkin akan menyebabkan anak tersebut memberontak dan melakukan kesalahan lain yang lebih besar. Beliau menyatakan kekesalan apabila ramai umat Islam memberikan fokus yang lebih kepada memberi hukuman berbanding ganjaran sehingga Islam itu diidentifikasi dengan aspek hukuman. Dalam hal ini, Muhammad Rashid Rida menyatakan:

“Sungguh, pergaulan dengan anak secara lemah lembut dan kasih sayang dan memperlakukannya dengan lembut, ramah dan tidak menghinanya dengan umpatan dan celaan termasuk cara-cara mendidik yang paling utama dan paling memuaskan. Sementara itu, sikap keras, kasar dan menghina dengan memberikan jolokan-jolokan yang buruk akan merosakkan akhlak dan mendorong kepada keburukan dan kejahatan. Sumber-sumber keburukan seperti bohong, khianat dan penipuan tidak melahirkan apa-apa melainkan kezaliman dan pengekangan atas kebebasan individu (Muhammad Rashid Rida, 1899).

Pandangan Muhammad Rashid Rida terhadap pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah selari dengan pandangan Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Menurut Imam al-Ghazali, ibu bapa atau guru hendaklah menasihati anak-anak dengan kelembutan. Jika anak-anak menunjukkan kemajuan dalam pelajaran, ibu bapa atau guru hendaklah memuji pencapaian dan usaha yang dilakukan oleh anak-anaknya. Namun, sekiranya mereka melakukan kesalahan, ibu bapa atau guru tidak boleh menyebarkan serta mengungkit kesalahan anak-anak kerana ia mungkin menyebabkan anak akan memberontak. Ia juga boleh menyebabkan anak-anak tidak mahu lagi mendengar nasihat kerana kata-kata yang penuh celaan itu tidak lagi mempengaruhi hatinya (Ma'rufin, M. R., 2015).

Ibn Khaldun juga telah mengemukakan konsep *targhib* dan *tarhib* dalam bukunya *al-Muqaddimah*. Beliau menegaskan bahawa seorang pendidik perlu mengetahui didikan yang tepat mengikut pertumbuhan akal manusia. Seperti Muhammad Rashid Rida dan Imam al-Ghazali, beliau juga menyarankan agar ibu bapa dan guru tidak kasar dalam mendidik anak-anak yang masuh kecil. Perlakuan kasar dan keras terhadap anak kecil dapat menyebabkan kemalasan dan mendorong mereka untuk berbohong. Oleh karena itu pendidik perlu mendidik anak-anak dengan kelembutan dan kasih sayang serta tegas dalam waktu-waktu yang diperlukan (Ma'rufin, M. R., 2015).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, konsep pendidikan yang dikemukakan oleh Muhammad Rashid Rida melalui majalah *al-Manar* dapat memberi sumbangan dalam memperluaskan perbahasan berkaitan pendidikan khususnya pada peringkat awal kanak-kanak. Konsep *ta'lim* dan *tarbiyah* menunjukkan pendidikan yang perlu diberikan kepada anak-anak bukan semata-mata pendidikan untuk fizikal sahaja tetapi ibu bapa dan guru juga hendaklah memberikan pendidikan yang dapat menguatkan akal dan rohani seseorang manusia. Selain itu, Muhammad Rashid Rida juga melihat pendidikan di institusi pendidikan akan lebih berkesan jika guru-guru mengetahui metodologi pedagogi yang bersesuaian dengan tahap pemikiran anak-anak. Konsep *targhib* dan *tarhib* dalam majalah *al-Manar* juga adalah selari dengan pendapat tokoh-tokoh Islam yang lain seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Artikel ini mencadangkan agar kajian tentang pendidikan kanak-kanak yang terdapat dalam majalah *al-Manar* seperti tahap perkembangan anak-anak, hubungan perkahwinan dengan pendidikan anak-anak dapat diteroka dengan lebih mendalam pada masa akan datang. Kajian ini dapat memberikan panduan kepada ibu bapa serta guru di pelbagai peringkat pendidikan untuk menerapkan pendekatan pendidikan yang bersesuaian kepada anak-anak dalam melahirkan generasi rabbani.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Norahida Mohamed menjalankan penyelidikan, menulis dan menyemak semula artikel. Husmazahiera Hussin membuat semakan artikel dan menulis abstrak di dalam bahasa Melayu dan menterjemahkannya ke bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Abdul Hakim bin Abdullah. (2020). Pendidikan Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0. *Tamaddun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*, 21(1), 127-134.
- Abu Mu‘az Tariq ibn ‘Audhillah ibn Muhammad. (2006). *Jami’ al-Masa’il al-hadithiyah (2) al-Iman*. jil. 1. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: Dar Ibn al-Qayyim li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- al-Salman, Muhammad Bin ‘Abd Allah. (1988). *Rashid Rida wa Da‘wah al-Shaykh Muhammad Bin Abd al-Wahhab*. Kuwait: Maktabah al-Ma’ala.
- Asmawati Suhid & Noreha Che Abah. Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam. *Jurnal al-Ummah* 3, 141-164
- Ma'rufin, M. R. (2015). Pesantren, Pondok Modern, Metode Targhib dan Tarhib,(Reward dan Punishment dalam Pendidikan Islam). *Risalah*, 2(1), 67-77.
- Muhammad Rashid Rida. (1898). al-Tarbiyah wa al-Ta‘lim. *al-Manar*. 1(3), 59.
- Muhammad Rashid Rida. (1899). al-Tarbiyah wa al-Ta‘lim. *al-Manar*. 2 (1), 15.
- Muhammad Rashid Rida. (1899). Madar al-Gilzah fi al-Tarbiyah. *al-Manar*. 2(19), 299.
- Muhammad Rashid Rida. (1899) Tarbiyah al-Atfal. *al-Manar*. 2(7), 107-109.
- Muhammad Rashid Rida. (1899). Tarbiyah al-Atfal. *al-Manar*. 2(6), 90.
- Muhammad Rashid Rida. (1900). Ma‘na al-‘Ilm. *al-Manar*. 3(9), 442-443.
- Muhammad Rashid Rida. (1354H). Fatawa al-Manar. *al-Manar*, 134.
- Mustaffa Abdullah. (2004). Beberapa Aspek Pembaharuan Mu‘ammad Rashīd Riḍā dan Sumbangannya kepada Pembangunan Ummah. Dlm. Mohd Fauzi Hamat et.al. (Eds.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. (pp. 241-242) Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah. (2009). *Rashid Rida Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norfaezah Mohd Hamidin et.al. (2017). Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) Di Malaysia: Kajian Literatur. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 1.
- Sa‘id Ismail ‘Ali. (2010). *Pelopor Pendidikan Islam Paling Berpengaruh*. Diterjemahkan oleh Muhammad Zaenal Arifin. Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar.,
- Shakib Arsalan. (1937). *al-Sayyid Rashid Rida aw Ikha’ Arba‘in Sanah*. Dimashq: Matba‘ah Ibn Zaidan.

- Syeikh Muhammad Sa'id Mursi. (2005). *Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*. Diterjemahkan oleh Khoirul Amru Harahap dan Achman Faozan. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Umar Rayd. (2009) "Printed Muslim 'Lighthouse' in Cairo al-Manār's Early Years, Religious Aspiration and Reception (1898-1903)." *Arabica* 56:34.